



Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**K**EBANJIRAN ikan asing di perairan negara terutamanya sungai dan tasik semakin membimbangkan.

Pembiakan spesies ikan asing secara berleluasa dan di luar kawalan telah menyebabkan kerosakan, ketidakseimbangan ekosistem biodiversiti akuatik serta menjejaskan populasi ikan tempatan.

Salah satu spesies yang kini mendominasi perairan utama di Lembah Klang adalah *Hypostomus plecostomu* atau lebih terkenal dengan panggilan ikan bandar raya.

Spesies ikan air tawar tropika yang berasal dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan itu amat digemari dalam kalangan penggemar ikan hiasan kerana kemampuannya membersihkan akuarium dengan memakan alga.

Ikan bandar raya juga dikategorikan sebagai spesies invasif di Malaysia di bawah kumpulan Perosak Asing Berbahaya di Malaysia (2018).

Sebagai usaha menangani masalah itu, Universiti Malaya (UM) melalui Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC) melaksanakan pertandingan menjala ikan bandar raya melalui Projek Pleco Pupus 2024: Nurturing Rivers, Empowering Communities.

Ia turut mendapat kerjasama daripada Universiti Selangor (Unisel), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Komuniti Pemburu Ikan Bandar Raya (KPIB).

Ketua Projek Bersama daripada UM, Affan Nasaruddin berkata, pertandingan yang julung kali diadakan itu merupakan salah satu inisiatif bagi mengurangkan populasi ikan bandar raya dan memulihara ekosistem sungai.

"Melalui pendekatan berkonsepkan pertandingan, ia memberi insentif kepada komuniti untuk bersama-sama membantu mengurangkan populasi ikan asing ini," katanya.

"Seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada orang awam telah menyertai pertandingan yang berlangsung di Sungai Damansara, Shah Alam, Selangor.

"Menariknya, dalam tempoh kurang dua jam, lebih satu tan ikan bandar raya berjaya dikeluarkan dari sungai ini.

"Jumlah ini bukan perkara yang ingin kita banggakan, tetapi sebagai satu peringatan bahawa jumlah ikan asing ini sudah berada pada tahap kritikal dan amat merisaukan," katanya.

Sementara itu, Ketua Projek Bersama daripada Unisel, Dr. Intan Faraha A. Ghani berkata, hampir semua sungai utama di Lembah Klang, termasuk Sungai Klang dan Sungai Langat terjejas dengan kebanjiran ikan perosak itu.

Jelasnya, ikan asing itu membiak dengan cepat dan amat sukar dimusnahkan, sekali gus menjadi antara punca kepupusan ikan tempatan.

"Peningkatan populasi ikan ini memberi impak negatif kepada perikanan darat.

"Antaranya, menjejaskan pendapatan nelayan sungai dengan penurunan stok



SERAMAI 32 peserta menyertai pertandingan menangkap ikan bandar raya di Sungai Damansara, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

## Inisiatif kurangkan populasi ikan bandar raya



PARA pemenang pertandingan bergambar bersama hadiah dimenangi.



LEBIH satu tan ikan bandar raya berjaya didaratkan oleh para peserta.

ikan tempatan disebabkan gangguan habitat dan pemangsa dalam ekosistem makanan.

"Beberapa laporan mengenai kebanjiran spesies ini telah menyebabkan kerugian kepada nelayan sungai seperti kerosakan pukat dan kerugian masa bagi membuang ikan berkenaan semasa aktiviti tangkapan dijalankan," ujarnya.

Intan Faraha juga menekankan bahawa wujudnya komuniti aktif seperti KPIB menjadi tonggak utama bagi membantu mengurangkan populasi ikan bandar raya.

Ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat mengenai kerosakan ekosistem disebabkan ikan asing itu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Ir. Izham Hashim dalam ucapannya berkata, kerajaan Selangor mengambil tindakan proaktif dalam mengurangkan populasi ikan asing itu.

Katanya, pihaknya menawarkan insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan ikan bandar raya bermula 1 September sebagai langkah memulihara sungai dan spesies ikan tempatan.

"Kerjasama strategik dengan pelbagai pihak adalah salah satu model cemerlang untuk mencapai matlamat bersama iaitu memulihkan ekosistem sungai di Selangor.

"Program seumpama ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada lebih banyak lagi inisiatif lestari pada masa hadapan.

"Saya percaya dengan kesedaran dan tindakan yang berterusan, kita mampu memastikan pengurangan populasi ikan bandar raya ini.

"Ini seterusnya dapat menjamin kelestarian biodiversiti sungai supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang," katanya.